

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU – PKR]**

503

SOALAN (NO. 507)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah aktiviti dan acara yang akan dilaksanakan oleh Kementerian di peringkat kawasan-kawasan Parlimen ketika Hari Sukan Negara pada 10 Oktober akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hari Sukan Negara akan disambut secara serentak di seluruh Negara pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun dan pada tahun ini Hari Sukan Negara akan diadakan pada 10 Oktober 2015. Pelaksanaan Hari Sukan Negara ini meliputi pelbagai peringkat termasuklah peringkat Parlimen.

2. Pada dasarnya pihak Kementerian menggalakkan jenis aktiviti sukan yang bakal dilaksanakan adalah berkonsepkan **murah, mudah dan menarik**. Antara aktiviti sukan yang boleh dilaksanakan di peringkat Parlimen adalah seperti program-program berikut :-
 - i. Program larian
 - ii. Program berjalan
 - iii. Program Berbasikal (*Mountainbike, Fun Ride*)
 - iv. Senaman aerobik
 - v. *Zumba/ Cross Fit/ Les Mills/ Street Fitness*
 - vi. Seni Mempertahankan Diri (*Martial Arts*)
 - vii. Sukan tradisional (teng-teng, konda kondi, boling kelapa, lari dalam guni dan lain-lain)
 - viii. Pertandingan Futsal
 - ix. Lain-lain aktiviti sukan yang bersesuaian

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

SOALAN : 504

DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pangsapuri yang masih lagi tidak mendapat Hak Milik Strata di kawasan Wangsa Maju dan apakah masalah yang menjadi punca Hak Milik tidak diserahkan kepada pemilik pangsapuri.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Berdasarkan statistik Bahagian Strata, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) jumlah pangsapuri yang masih lagi tidak mendapat Hak Milik Strata di bawah Seksyen 8, Akta Hakmilik Strata 1985, di kawasan Wangsa Maju adalah berjumlah **4,449** petak iaitu melibatkan **9 skim**.

Masalah-masalah yang berkaitan dengan kegagalan pemaju membuat permohonan adalah seperti berikut:

1. MASALAH BANGUNAN

Masalah utama yang dihadapi pemaju bagi kelulusan pengeluaran hakmilik strata adalah dari segi masalah bangunan. Terdapat bangunan yang didirikan terkeluar dari sempadan lot dan tidak didirikan dalam satu lot dengan maksud lain ia menghadapi masalah tanah untuk kelulusan pecah bahagi bangunan. Selain itu, terdapat juga pelan bangunan yang dikemukakan tidak menepati syarat permohonan yang telah ditetapkan dalam peruntukan perundangan yang berkaitan.

2. MASALAH PEMILIK TANAH/ PEMAJU

Terdapat Pemilik Tanah / Pemaju yang berada di dalam petisyen penggulungan dan muflis syarikat atau di bawah tindakan Jabatan Insolvensi Malaysia. Selain itu, terdapat juga Pemilik Tanah /

Pemaju yang mempunyai masalah kewangan dan tiada dana yang mencukupi untuk membuat permohonan pecah bahagi bangunan kerana perlu menjelaskan cukai tanah semasa, bayaran permohonan pengeluaran hakmilik strata dan bayaran kelulusan permohonan hakmilik strata.

Sekian, terima kasih.